

LAMPIRAN B

TATACARA PERMOHONAN SERTA GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PERSEMBAHAN ARTIS LUAR NEGARA

A. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah ditujukan kepada :

Pengerusi

**Jawatankuasa Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan
Persembahan Artis Luar Negara (JK-PUSPAL)**

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan

Kementerian Perpaduan, Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia

Tingkat 30, Menara TH Perdana, Maju Junction

1001 Jalan Sultan Ismail

50694 Kuala Lumpur

Tel : (6) 03-26127600

Faks: (6) 03-26945264

2. Permohonan dibuat menggunakan Borang KEKKWA/PUSPAL yang boleh didapati di Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia atau di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di semua negeri ATAU dimuat turun daripada laman web KPKKW di alamat <http://www.heritage.gov.my>.
3. Artis hendaklah melantik penganjur syarikat pengurusan acara tempatan untuk mengendalikan persembahan Artis berkenaan di Malaysia. Bagaimanapun, bagi persembahan di hotel dan/atau premis perdagangan, persembahan mereka boleh diuruskan oleh pemilik premis berkenaan.
4. Bagi permohonan penggambaran di Sabah dan Sarawak yang melibatkan penaja atau syarikat perfileman tempatan yang berpusat di negeri-negeri berkenaan, permohonan dikemukakan kepada JK-PUSPAL dan satu salinan permohonan dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak ke alamat berikut:

Setiausaha

Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan

Jabatan Ketua Menteri Sabah

Tingkat 4, Wisma Innoprise, Teluk Likas

88817 Kota Kinabalu, Sabah

Tel : 088-328000

Faks : 088-328038

Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Jabatan Ketua Menteri

(Unit Pentadbiran Am dan Unit Hal Ehwal Awam)

Tingkat 8, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya

93502 Kuching, Sarawak

Tel : 082-441957

Faks : 082-444321

5. Permohonan hendaklah mengandungi perkara yang berikut (sila rujuk Borang KEKKWA/PUSPAL untuk jumlah salinan dokumen yang perlu dikemukakan):
 - 5.1 Kontrak Artis Luar Negara dengan penganjur tempatan (disetem hasil RM 10.00 setiap satu);
 - 5.2 Kontrak Artis Tempatan dengan penganjur tempatan (disetem hasil RM 10.00 setiap satu) jika berkenaan);
 - 5.3 Salinan sijil pendaftaran perniagaan;
 - 5.4 Salinan lesen hiburan;
 - 5.5 Gambar ruang premis persembahan
 - 5.6 Gambar ukuran pasport Artis Luar Negara;
 - 5.7 Borang Security Bond bagi setiap Artis Luar Negara (disetem hasil RM 10.00 setiap satu);
 - 5.8 Salinan muka depan pasport Artis Luar Negara;
 - 5.9 Jaminan bank mengikut kadar negara asal Artis Luar Negara (sila rujuk Lampiran E);
 - 5.10 Borang Imigresen IMM.12;
 - 5.11 Borang LHDN Performa B; dan
 - 5.1 Senarai tempat, tarikh dan jangka masa persembahan.

B. TATACARA DAN TEMPOH MEMPROSES PERMOHONAN

1. Urus Setia menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan JK-PUSPAL.
2. JK-PUSPAL bersidang untuk memberi keputusan akan sesuatu permohonan.
3. Dalam kes tertentu pemohon akan dipanggil untuk memberi penjelasan kepada JK-PUSPAL.
4. Pemohon akan dimaklumkan secara bertulis akan keputusan permohonan tersebut.
5. Tempoh minimum memproses permohonan bagi persembahan Artis ialah lima (05) hari bekerja tertakluk kepada permohonan adalah lengkap.

C. GARIS PANDUAN DAN PERATURAN PERSEMBAHAN

1. Kategori Artis

1.1 Artis dibahagikan kepada kategori berikut :

Kategori	Jenis Artis	Jenis Persembahan
A	Artis Pentas	A1 Nyanyian
		A2 Muzik
		A3 Tarian
		A4 Konsert
		A5 Teater
		A6 Sarkas
		A7 Akrobatik
		A8 Seni Silat
		A9 Silap Mata
		A10 Promosi
B	Artis Opera	B1 Buddhist
		B2 Opera Hindu
		B3 Opera-Opera lain

1.2 Artis Kategori B merangkumi Artis yang dibawa masuk secara individu mengikut peranannya dalam opera bagi maksud sekadar membantu Artis Tempatan atau badan opera yang sedia ada di Negara ini.

1.3 Artis Kategori B ini dipertimbangkan atas dasar agama dan adat, dan meliputi Opera Kantonis, Opera Hokkien, Opera Mandarin, Opera Teochew dan Opera Hindu.

1.4 Tempat persembahan bagi Artis Kategori B hanya di tokong agama Buddha atau di kuil agama hindu sahaja.

2. Tempoh Berkarya

2.1 Bagi Artis Kategori A tempoh masuk dan bekerja sementara adalah tidak melebihi tempoh maksimum 91 hari, kecuali bagi negara ASEAN tempoh maksimum ialah 181 hari termasuk tempoh lanjutan.

2.2 Untuk tujuan promosi album dan produk tempoh masa mengadakan promosi adalah tidak melebihi tujuan (07) hari.

2.1 Tempoh maksimum persembahan Artis DJ adalah tidak melebihi tujuh (07 hari), manakala *cooling period* persembahan Artis DJ di premis yang sama ialah tujuh (07) hari.

- 2.2 Tempoh maksimum Artis Kategori B berada di Malaysia bagi satu-satu penganjur dalam satu-satu masa ialah tidak melebihi 181 hari.
- 3. Bilangan artis**
- 3.1 Bagi Kategori A dan B, penglibatan Artis tidak boleh melebihi empat puluh (40) orang pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, pertimbangan akan diberi mengikut kadar yang munasabah atas keperluan sesuatu persembahan itu.
- 3.2 Sekurang-kurangnya 30% daripada pekerja teknikal bagi persembahan Artis hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia.
- 4. Pra-Tonton dan Pemantauan**
- 4.1 JK-PUSPAL boleh mensyaratkan pra-tonton dan/atau pra-dengar sesuatu persembahan sama ada secara langsung atau dalam bentuk rakaman sebelum kelulusan dapat diberikan.
- 4.2 Penganjur hendaklah memperuntukkan 20 tiket atau pas masuk percuma untuk sesuatu persembahan bagi maksud pemantauan.
- 4.3 Bagi persembahan di hotel/premis perdagangan, surat kelulusan persembahan yang dikeluarkan oleh JK-PUSPAL hendaklah dipamer di tempat yang boleh dilihat dan dibaca oleh awam.
- 5. Asas Pertimbangan dan Kelulusan Bagi Sesuatu Permohonan**
- 5.1 Segala pertimbangan dan sokongan adalah dibuat berasaskan tujuan persembahan, sama ada untuk tujuan perniagaan, atau pertunjukan kesenian bagi kutipan amal, atau tujuan yang berkaitan dengan agama dan adat.
- 5.2 Jika persembahan adalah tujuan kutipan amal, atau bagi pengisian sesuatu tabung yang dibenarkan oleh Kerajaan, penganjur hendaklah mencagarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sekurang-kurangnya 5% daripada nilai jualan keseluruhan tiket bagi membolehkan penganjur mendapat status persembahan amal. Penganjur perlu memaklumkan JK-PUSPAL maklumat jumlah kutipan amal yang diperolehi atau yang disumbangkan kepada penerima sumbangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh tamat persembahan.
- 5.3 Setiap kelulusan adalah tertakluk kepada kod etika yang berikut:
- 5.3.1 Artis dilarang mempamerkan tindak-tanduk kasar dan rakus bertentangan dengan nilai murni.
- 5.3.2 Artis dilarang mempamerkan perlakuan yang ada unsur-unsur lucah.
- 5.3.3 Artis dilarang melakukan perbuatan atau mengeluarkan tuturkata yang boleh menyentuh sensitiviti agama, bangsa dan budaya masyarakat Malaysia.

- 5.3.4 Artis hendaklah berpakaian mengikut kesesuaian jenis persembahan dan bersesuaian dengan budaya masyarakat Malaysia.
- 5.4 Artis dilarang melayan atau duduk bersama pengunjung pada bila-bila masa, persembahan mereka adalah terhad di pentas premis.

6. Asas Pertimbangan Bagi Pelanjutan Sesuatu Persembahan

Permohonan untuk melanjutkan persembahan akan dipertimbangkan tertakluk kepada:

- 6.1 Permohonan lanjutan perlu dikemukakan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh tamat persembahan Artis.
- 6.2 Tiada teguran atau laporan negatif diterima daripada mana-mana pihak terhadap Artis atau persembahannya atau penganjur semasa persembahan yang diluluskan terdahulu.
- 6.3 Permohonan lanjutan untuk tempoh melebihi 91 hari hanyalah untuk Artis dari negara ASEAN sahaja.
- 6.4 Permohonan lanjutan bagi Artis bukan dari negara ASEAN boleh dipertimbangkan untuk tempoh tidak melebihi 91 hari lagi, tertakluk kepada keperluan khusus ruang persembahan (outlet) Artis berkenaan serta asas-asas yang kukuh bagi maksud pelanjutan berkenaan.
- 6.5 Walau apapun keadaan, pertimbangan untuk permohonan lanjutan adalah mengikut budi bicara JK-PUSPAL.
- 6.6 Permohonan lanjutan selepas lanjutan pertama hanya akan dipertimbangkan mengikut budi bicara JK-PUSPAL.

7. Syarat Khas

7.1 Konsert dan Teater

- 7.1.1 Penonton tidak dibenarkan merokok dan membawa, menayang atau meminum minuman keras atau arak sepanjang persembahan termasuk waktu rehat.
- 7.1.2 Syarikat yang terlibat secara langsung dengan sesuatu jenama produk tembakau atau arak tidak dibenarkan menjadi penaja.
- 7.1.3 Dilarang sama sekali menjual atau mengedar minuman keras dan produk tembakau di tempat persembahan sekurang-kurangnya lima (05) jam sebelum persembahan, semasa persembahan, dan sekurang-kurangnya tiga (03) jam selepas persembahan.
- 7.1.4 Penonton yang disyaki atau didapati mabuk atau berkhayal akibat dadah tidak dibenarkan masuk menyaksikan persembahan.

7.2 Promosi Album

7.2.1 Permohonan kali kedua dan seterusnya untuk artis yang sama bagi album yang sama hanya boleh dibuat selepas tempoh peralihan sekurang-kurangnya 91 hari selepas tarikh promosi sebelumnya bagi album berkenaan.

7.3 Tempoh Renggang Antara Dua Persembahan

7.3.1 Tempoh Renggang yang dibenarkan di antara dua persembahan dalam tempoh yang diluluskan bagi artis berkarya ialah tujuh (07) hari.

8. Syarat Yang Dikenakan Kepada Penganjur, Majikan dan Artis

8.1 Bagi persembahan Artis Kategori A1 dan A2 terutamanya di pusat hiburan, sekurang-kurangnya 1/5 daripada jumlah keseluruhannya persembahannya hendaklah lagu Melayu artis Malaysia.

8.2 Artis yang hendak dibawa masuk bagi sesuatu persembahan adalah tidak dibenarkan mengadakan persembahan untuk penganjur lain dalam tempoh yang sama, kecuali setelah tamat kontrak dengan penganjur yang terdahulu. Tempoh keseluruhan kemasukan Artis hendaklah tidak melebihi tempoh maksimum yang dibenarkan.

8.3 Artis juga tidak dibenarkan membuat rakaman persembahan (recording) dengan mana-mana pihak bagi tujuan komersial.

8.4 Penganjur yang menamatkan kontrak Artis tamat, dan/atau menukar Artis, perlu memaklumkan perkara tersebut kepada JK-PUSPAL dan mendapat persetujuan JK-PUSPAL terlebih dahulu.

8.5 Penganjur hendaklah memperuntukkan minimum 20 tiket atau pas percuma kepada JK-PUSPAL bagi tujuan pemantauan. Kegagalan boleh menyebabkan permohonan pada masa hadapan tidak dipertimbangkan.

8.6 Bagi persembahan konsert, Artis Tempatan hendaklah diberi ruang dan peluang untuk sama-sama membuat persembahan dalam konsert berkenaan.

9. Syarat Khas Persembahan di Hotel, Pusat Hiburan dan Premis Perdagangan

9.1 Persembahan Artis Luar Negara di hotel hanya dibenarkan untuk hotel bertaraf empat (04) bintang ke atas sahaja.

9.2 Pertimbangan khas boleh diberikan kepada hotel bertaraf tiga (03) bintang yang terletak di dalam zon pelancongan (seperti di pulau peranginan) atau di ibu negeri untuk tempoh maksimum 91 hari dalam setahun dengan tidak mengambilkira bilangan ruang persembahan. Jumlah bilangan Artis Luar Negara dihadkan kepada satu (01) kumpulan sahaja.

9.3 Pertimbangan juga boleh diberikan kepada hotel bertaraf tiga (03) bintang sekiranya jumlah hotel bertaraf empat (04) bintang ke atas, kurang daripada tiga (03) atau tiada hotel bertaraf 04 bintang ke atas, di kawasan hotel bertaraf tiga (03) bintang berkenaan.

- 9.4 Penganjur bagi persembahan hiburan di hotel dan premis perdagangan hendaklah mematuhi peraturan penggunaan ruang persembahan (outlet) seperti yang berikut:

9.4.1 Satu Ruang Persembahan

9.4.1.1 Persembahan hendaklah dibuat secara bergilir antara Artis Tempatan dan Artis Luar Negara.

9.4.1.2 Sembilan puluh satu (91) hari persembahan daripada Artis Luar Negara dan 91 hari persembahan yang berikutnya daripada Artis Tempatan.

9.4.1.3 Boleh diadakan persembahan bersama, iaitu 45 minit persembahan Artis Luar Negara dan 45 minit yang berikutnya persembahan Artis Tempatan ataupun persembahan yang menggabungkan Artis Tempatan dan Artis Luar Negara.

9.4.2 Dua Ruang Persembahan

9.4.2.1 Salah satu ruang tersebut hendaklah diisi oleh Artis Tempatan sepanjang tahun manakala ruang yang satu lagi boleh diisi oleh Artis Luar Negara sepanjang tahun.

9.4.3 Tiga Ruang Persembahan

9.4.3.1 Salah satu ruang tersebut hendaklah diisi oleh Artis Tempatan sepanjang tahun manakala ruang yang satu lagi diisi oleh Artis Luar Negara sepanjang tahun.

9.4.3.2 Ruang persembahan yang ketiga hendaklah diisi secara bergilir oleh Artis Tempatan selama 91 hari dan diikuti oleh Artis Luar Negara selama 91 hari.

9.4.4 Lebih Daripada Tiga Ruang Persembahan

9.4.4.1 Dua ruang persembahan hendaklah diisi secara tetap oleh Artis Tempatan.

9.4.4.2 Ruang persembahan yang ketiga boleh diisi oleh Artis Luar Negara sepanjang tahun.

9.4.4.3 Ruang persembahan yang selebihnya diisi secara bergilir oleh Artis Tempatan dan Artis Luar Negara.

9.5 Perpindahan Artis

- 9.5.1 Artis yang berpindah dari sebuah pusat hiburan/premis perdagangan ke sebuah pusat hiburan/premis perdagangan yang lain sama ada telah tamat kontrak atau ditamatkan kontrak atau menamatkan kontrak perlu melalui *cooling period* selama 30 hari kecuali mendapat kelulusan khas daripada JK-PUSPAL.

9.6 Pertukaran Artis Dalam Kumpulan

9.6.1 Tarikh tamat kontrak Artis baru dalam sesebuah kumpulan bagi menggantikan Artis lama dalam kumpulan berkenaan hendaklah sama seperti tarikh tamat kontrak Artis lama berkenaan.

9.7 Artis Tempatan

9.7.1 Artis Tempatan yang menjadi ahli persatuan seni hendaklah diberi keutamaan.

9.8 Persembahan di Premis Perdagangan

9.8.1 Persembahan Artis Luar Negara di pusat membeli belah, kelab persendirian dan sebagainya boleh dibenarkan melebihi sehari dalam seminggu jika dipersetujui oleh JK-PUSPAL.

9.8.2 Persembahan Artis Luar Negara di kelab komersial seperti di kelab hiburan malam, pub dan restoran, bar, coffee house hanya dibenarkan untuk premis yang terletak di zon perdagangan, di lokasi tarikan utama pengunjung, dan premis mempunyai ciri-ciri antarabangsa.

10. Tanggungjawab Sosial Penganjur

10.1 Persembahan Artis hendaklah mengikut tarikh, tempoh dan tempat yang diluluskan sahaja dan sebarang perubahan/pembatalan mengenai persembahan tersebut hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada dan mendapat persetujuan bertulis JK-PUSPAL terlebih dahulu.

10.2 Persembahan Artis hendaklah bersih dan tidak mempunyai cerita dan bahasa yang lucah, kesat serta kotor yang bertentangan dengan nilai murni masyarakat Malaysia, undang-undang Negara dan Rukunegara.

10.3 Penganjur mesti, pada setiap masa, memberikan keutamaan keselamatan dan keselesaan penonton khususnya, dan persekitaran amnya.

D. PEMBATALAN KELULUSAN

JK-PUSPAL boleh menarik balik kelulusan sesuatu persembahan pada bila-bila masa tanpa sebarang alasan.

E. PINDAAN

Maklumat di dalam Tatacara Permohonan, Garis Panduan dan Peraturan Permohonan Persembahan Artis Luar Negara ini adalah tertakluk kepada pindaan.